



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM HARGAI PERANAN PASUKAN PROJEK KHAS (SPT) MENGUBAL RANG UNDANG - UNDANG ANTIGANGGUAN SEKSUAL, RAKYAT BOLEH BERI PANDANGAN

PUTRAJAYA, 11 Januari – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah membuat segala persiapan rapi dan telah bersedia membentangkan Rang Undang-Undang Antigangguan Seksual (RUU AGS) untuk bacaan kali kedua dan sesi perbahasan di Dewan Rakyat semasa Mesyuarat Parlimen bagi Penggal Kelima yang dijangka bersidang mulai 28 Februari 2022 hingga 24 Mac 2022.

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, segala langkah permulaan pengubalan RUU itu telah direalisasikan dengan pembentangan bacaan kali pertama di Dewan Rakyat pada 15 Disember yang lepas.

“Masa berlalu begitu pantas, sama ada kita sedari atau tidak, perjalanan untuk menggubal RUU AGS telah bermula sejak 2019 menunjukkan kerajaan amat prihatin dan serius dalam menangani dan menghapuskan diskriminasi berasaskan gender di negara ini. Kementerian juga dalam usaha untuk membentangkan RUU AGS ini bagi bacaan dan perbahasan di Dewan Negara pada tahun ini”, katanya ketika berucap di Sesi Penghargaan ahli Pasukan Projek Khas (*Special Project Team - SPT*)

Rang Undang-Undang Antigangguan Seksual (RUU AGS) di Dewan Perdana Nur, KPWKM hari ini.

Tambah beliau, orang ramai juga boleh memberi sebarang cadangan dan pandangan bagi penambahbaikan RUU AGS di portal rasmi Kementerian (www.kpwkm.gov.my). “Ruang untuk penambahbaikan masih ada lagi. Kita juga perlukan maklum balas daripada Keluarga Malaysia. Kami sedia mendengar dan akan meneliti serta mengkaji segala cadangan untuk proses penambahbaikan.”

Justeru, pengubalan RUU ini adalah seiring dengan agenda kerajaan untuk mempertingkatkan kesejahteraan dan keselamatan dalam menangani ketidaksamaan gender dan selari dengan kuasa untuk membuat undang-undang seperti yang telah diperuntukkan dibawah perkara 73 (a) dan 74(1), Perlembagaan Persekutuan.

Datuk Seri Rina berkata, “Bagi tujuan RUU Antigangguan Seksual ini, KPWKM telah menubuhkan Pasukan Projek Khas (SPT) yang terdiri daripada agensi kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, ahli akademik dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti WAO, SUHAKAM, WAFIQ dan AWL yang memiliki kepakaran, pengetahuan dan pengalaman yang luas berkenaan gangguan seksual untuk menggubal RUU ini. (Senarai kehadiran ahli SPT ke Sesi Perjumpaan adalah seperti di lampiran).

Beliau turut melahirkan rasa penghargaan di atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan oleh kesemua ahli SPT dalam menangani

kelompangan dasar dan sistem perundangan sedia melibatkan kes-kes gangguan seksual.

“Segala pandangan, maklumbalas dan cadangan yang diberikan oleh ahli-ahli SPT semasa proses perbincangan dan libat urus amatlah dihargai. Mereka merupakan penggerak utama dalam proses penggubalan RUU ini”, katanya.

RUU AGS ini diharap akan dapat direalisasikan dengan penglibatan dan sokongan penuh semua pihak khususnya ahli-ahli SPT. Beliau berharap sinergi dan kerjasama yang telah terjalin dapat diteruskan dan diperkukuhkan pada masa depan ke arah mewujudkan suasana yang selamat untuk Keluarga Malaysia.

###

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

11 Januari 2022